

# MAKLUMAN PERMOHONAN PASAR JUADAH, MPAJ SECARA ATAS TALIAN BAGI TAHUN 2022

14 FEBRUARI 2022 - 6 MAC 2022

- PENDAFTARAN DAN KEMASKINI MAKLUMAT PENJAJA

7 MAC 2022 - 21 MAC 2022

- PEMILIHAN PETAK
- BAYARAN DAN CETAKAN LESEN DAN PERMIT PASAR JUADAH

*\*PENGAMBILAN APRON DAN TOPI BOLEH DIBUAT DIKAUNTER ARAS 5, PERKARANGAN AUDITORIUM BERMULA DARI 07/03/2021 (ISNIN) SELEPAS PEMBAYARAN DAN CETAKAN LESEN DI BUAT. SILA KEMUKAKAN BIL / RESIT BAYARAN YANG TELAH DIBUAT SEBAGAI PEMBUKTIAN.*

## 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

BIL	SYARAT-SYARAT
1.	Syarat khusus
	Warganegara Malaysia dan khusus kepada penduduk Ampang Jaya
	Gambar berukuran passport
	Salinan kad pengenalan
	Salinan Thyphim (IV)
	Salinan bil elektrik / air kediaman pemohon
	Gambar lokasi penjajaan
	Aktiviti penjajaan hendaklah di hadapan rumah dan lesen hanya digunapakai dalam bulan Ramadan sahaja

## AKU JANJI

Saya pemilik Lesen Sementara Pasar Juadah bagi tahun 2022 akan mematuhi perkara-perkara seperti berikut :-

BIL	PERKARA	SYARAT-SYARAT / PERATURAN
1.	PEMATUHAN SYARAT LESEN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan lesen dipamerkan sepanjang aktiviti pasar juadah</li> <li>2. Pemilik / pembantu lesen hendaklah mendapatkan suntikan Typhim (TYV1) dan mempunyai Sijil Kursus Pengendalian Makanan (KPM)</li> <li>3. Tidak menggunakan pembantu warga asing / pembantu tidak berdaftar di tapak</li> <li>4. Pemilik lesen hendaklah berniaga sendiri dan lesen tidak boleh dipindah milik</li> <li>5. Berniaga di dalam petak yang telah diluluskan dan tidak boleh melebihi dari petak yang telah diperuntukan</li> <li>6. Memastikan jenis jualan sama seperti yang telah diluluskan</li> <li>7. Berniaga mengikut waktu yang telah ditetapkan bermula jam (5.00 petang - 7.30 malam)</li> <li>8. Tidak meninggalkan sebarang peralatan makanan/ kerusi meja / khemah selepas aktiviti pasar juadah beroperasi melainkan dengan kebenaran Majlis</li> <li>9. Penggunaan beg plastik dan straw biodegradasi</li> <li>10. Pemilik lesen hendaklah mematuhi arahan Majlis dari masa ke semasa</li> <li>11. Pihak Majlis berhak menarik balik lesen serta-merta sekiranya berlaku pelanggaran syarat lesen / seperti yang telah dinyatakan</li> </ol>
2.	KEBERSIHAN / PENGENDALIAN MAKANAN / PAKAIAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan tong sampah dilengkapi karung sampah di petak masing-masing</li> <li>2. Berpakaian bersih, kemas dan lengkap baju berlungan, tidak berseluar pendek, memakai topi, apron, dan kasut bertutup</li> <li>3. Kuku pendek dan bersih</li> <li>4. Tidak memakai barangan kemas dan aksesori tangan</li> <li>5. Makanan hendaklah dikendalikan dalam keadaan bersih, makanan bertutup, beralas / tidak diletakkan di atas jalan, bekas bersih, dll</li> </ol>
3.	LAIN-LAIN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berikut adalah Pasar Juadah yang perlu <b>ditutup</b> bagi memberi laluan aktiviti Pasar Malam :- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasar Juadah Keramat Permai (Isnin)</li> <li>• Pasar Juadah Pandan Mewah (Rabu)</li> <li>• Pasar Juadah UK Perdana (Rabu)</li> </ul> </li> </ol>
4.	PEMATUHAN SOP	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggunakan SeLangkah / MySejahtera/ buku rekod</li> <li>2. Kawalan sendiri oleh peniaga, pembantu, pelanggan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saringan suhu badan</li> <li>• Jarak sosial 1 meter</li> <li>• Memakai pelitup muka</li> <li>• Cuci tangan/ sanitasi</li> </ul> </li> <li>3. Disinfeksi peralatan selepas digunakan</li> <li>4. Digalakkan pembayaran secara e-wallet / digital cashless</li> </ol>

### CAJ PEMBAYARAN PASAR JUADAH 2022

BIL	PERKARA	BAYARAN
1	MAKANAN DAN MINUMAN	RM 420.00
2	AIR TEBU DAN KELAPA	RM 445.00